KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17.06.22	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	JKPTG			

Perhalusi perundangan proses ambil tanah

Kuala Lumpur: Kementerian Wilayah Persekutuan sedang memperhalusi aspek perundangan proses pengambilan tanah membabitkan projek pembangunan semula Sungai Baru, Kampung Baru di sini, yang masih tidak mendapat persetujuan sebahagian penduduk.

Menterinya, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata ia bagi memastikan pembelaan sewajarnya termasuk kepada 37 pemilik yang tidak bersetuju serta 291 pemilik yang sudah berpindah ke rumah transit dan pemaju.

"Saya akan memberi pembelaan kepada tuan tanah yang terbabit sebaik mungkin.

"Saya dah minta (sesi pendengaran kedua) ditangguh lebih enam bulan supaya pemaju dan 37 (pemilik tidak bersetuju) selesaikan masalah dan kalau tak selesai juga mereka akan kembali kepada kita untuk penyelesaian (secara perundangan)," katanya ke selepas majlis penyerahan kunci kediaman kepada pemilik unit Residensi SkyAwani 3 di sini.

Shahidan berkata, pihak Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) dijangka memberi kenyataan susulan berkenaan perkara itu minggu depan.

Pada Rabu, PKB dalam kenyataan memaklumkan pengambilan tanah bagi projek pembangunan semula kawasan terbabit perlu diteruskan kerana ia telah memenuhi syarat perundangan mengikut Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 walaupun segelintir pemilik tidak bersetuju.



Saya dah minta (sesi pendengaran kedua) ditangguh lebih enam bulan supaya pemaju dan 37 (pemilik tidak bersetuju) selesaikan masalah dan kalau tak selesai juga mereka akan kembali kepada kita untuk penyelesaian (secara perundangan)"

Shahidan Kassim

Sebelum ini, Shahidan meminta proses pendengaran kedua bagi pengambilan tanah kawasan terbabit yang dijadualkan berlangsung Disember tahun lalu ditangguhkan sehingga beliau bertemu dengan semua pihak susulan ada yang tidak bersetuju selain mendakwa nilai pampasan ditawarkan pemaju tidak setimpal.

HM200622_8